

**Ucapan Huguan Siou Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, JP.
 Presiden Persatuan Kebudayaan Kadazandusun (KDCA)
 Merangkap Pengerusi Koperasi Koisaan Berhad (KKB)
 Sempena Mesyuarat Agung Tahunan KKB Kali Ke-3,
 11 Disember 2005, Hongkod Koisaan, Penampang, 12.30 Tengahari.**

Kopivosian om kounsikaan kumaa dikoyu songowian,
 Pogulu po laid, kanou no saavi-avi tokou monongkotoluod kumaa do Kinoingan Tama tu mantad
 no do barakat Dau, notimung tokou id Hongkod Koisaan di tadau baino. Notimung tokou diti,
 montok no do papanau diti Miting Tounan do "Sogia'an" tokou, pinungaranan do Koperasi
 Koisaan Berhad (KKB), iso tinan kopoopuan toinsanan puru do Koisaan Koubasanan
 Kadazandusun (KDCA).

Tobpinai kou ngawi,
 Sesungguhnya mesyuarat agung tahunan KKB adalah sangat penting kerana ia merupakan
 salah satu daripada keperluan yang perlu disempurnakan di dalam pentadbiran KKB. Melalui
 mesyuarat agung tahunan seperti ini juga, ahli-ahli KKB akan mendapat maklumat-maklumat
 tentang perkembangan pelaburan mereka, di samping dapat menentukan pelan kerja yang
 perlu dikendalikan oleh pihak pengurusan untuk kebaikan ahli-ahli.

Sebagai sebuah badan pelaburan masyarakat Kadazandusun yang diusahakan KDCA, tentu
 sekali penubuhan KKB telah diasaskan kepada tujuan-tujuan tertentu. Antara lain tujuan-
 tujuan itu ialah mahu meningkatkan penyertaan masyarakat Kadazandusun, di dalam pemilikan
 saham dan mendorong masyarakat kita untuk meningkatkan lagi penglibatan di dalam
 usahaniaga. Berdasarkan kepada tujuan-tujuan tersebut, kita berharap akan dapat menjana
 perkembangan modal yang progresif, agar kita memiliki keupayaan, untuk membiayai
 program-program yang berorientasikan kepada peningkatan dan pembangunan taraf sosio-
 ekonomi masyarakat Kadazandusun keseluruhannya.

Namun demikian, sebagai sebuah badan pelaburan yang boleh kita katakan sebagai baru
 berusia setahun jagung, tentu sekali masih banyak usaha yang perlu kita lakukan untuk
 menyempurnakan matlamat-matlamat KKB. Kita sebenarnya sedang mengukuhkan asas-asas
 pelaburan sebelum melangkah lebih jauh, untuk meletakkan KKB di dunia ekonomi yang lebih
 luas dan mencabar.

Pengurusan KKB sehingga kini masih mengambil pendekatan yang berhati-hati dan selektif
 ketika melaburkan modal syer ahli-ahli. Apa yang penting bagi KKB ialah, jenis perniagaan
 yang dipilih untuk melaburkan syer ahli-ahli terjamin mendapat pulangan dalam bentuk
 dividen di atas nilai pelaburan mereka. Dengan kata lain, jumlah wang yang dilaburkan ahli-
 ahli ke dalam KKB, tidak menghadapi risiko berkurangan, malah bertambah dari setahun ke
 setahun walaupun kadar pertambahan pada awal operasi ini, masih dirasakan agak perlahan.

Justeru, sukalah saya menyatakan bahawa jumlah wang yang telah dilaburkan oleh ahli-ahli
 telah mengalami pertambahan sedikit demi sedikit, hasil daripada faedah simpanan tetap di
 bank. Walaupun jenis pelaburan ini hanya memberikan pulangan yang kecil, namun ianya
 merupakan pelaburan yang paling selamat. Pengurusan KKB telah meneruskan portfolio

pelaburan ini dengan membahagikan pelaburan ke dalam beberapa kelompok. Langkah ini diambil demi untuk memudahkan pengurusan KKB, menebus balik jika ada keperluan kewangan yang mendesak tanpa menjejaskan pulangan bagi baki pelaburan.

Tobpinai kou ngawi toinsanan,

Sesungguhnya masyarakat Kadazandusun mampu melangkah lebih maju ke hadapan melalui pelaburan. Masyarakat Kadazandusun juga mampu menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDKN) Negara Malaysia serta pencapaian pemilikan 30 peratus saham bumiputera melalui penglibatan dalam pergerakan koperasi.

Maka dengan itu, pengurusan KKB berpendapat bahawa gerakan KKB seharusnya sejajar dengan arah Wawasan 2020 serta Halatuju Pembangunan Negeri Sabah yang mengutamakan sektor pertanian, pelancongan dan pembuatan. Berdasarkan kepada keanggotaan KKB yang terdiri daripada masyarakat Kadazandusun, maka KKB seharusnya memperkembangkan asas-asas ekonomi tradisi masyarakat berkenaan, iaitu pertanian.

Demi menyempurnakan matlamat-matlamat tersebut, pengurusan KKB telah menggariskan beberapa panduan pembangunan ekonomi seperti berikut:

1. Menyewa premis perniagaan KDCA di kawasan Hongkod Koisaan menurut kadar yang berpatutan. Jawatankuasa Pelaburan KKB telah mengenalpasti premis di belakang Hongkod Koisaan sebagai sesuai untuk pusat riadah dalam bentuk karaoke, pool serta dart. KKB telah menerima cadangan untuk menubuhkan *D' Koisaan Café* dan pada masa ini sedang menunggu kelulusan lesen perniagaan.
2. Melibatkan diri di dalam sektor perladangan dan perindustrian. Untuk menyempurnakan projek ini, Pengurusan KKB telah memutuskan untuk membeli tanah NT dalam kelompok setempat, di samping memohon tanah kerajaan yang dikenalpasti masih kosong.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

Sebagaimana yang telah kita sedia maklum bahawa mesyuarat agung tahunan KKB untuk tahun 2003 dan 2004 tidak dapat diadakan. Ini disebabkan beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan seperti pilihanraya umum DUN dan Parlimen, serta perpindahan lokasi Kaamatan Peringkat Negeri ke Hongkod Koisaan. Kesibukan-kesibukan ini telah menyebabkan kita kekurangan masa untuk mengadakan mesyuarat agung. Walau bagaimanapun, pengurusan KKB sentiasa berhubung dengan Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) untuk mendapatkan pandangan dan nasihat.

Sebelum mengundurkan diri, saya menyeru kepada semua ahli KDCA yang belum menjadi anggota KKB agar segeralah mendaftarkan diri secara beramai-ramai. Setakat ini keanggotaan KKB baru mencapai 314 ahli, dan sepatutnya bilangan ini masih boleh ditambah beberapa kali lipat berdasarkan bilangan ahli KDCA yang begitu ramai.

Maka dengan kata-kata demikian, dengan penuh harapan yang tinggi, saya dengan ini mengisytiharkan Mesyuarat Agung Tahunan KKB dimulakan dengan rasminya.

Sekian, Miiso Mongindapu maya do Koperasi Koisaan Berhad (KKB).